

# Transformasi pendidikan realisasikan bakat

**ABU YAZID  
ABU BAKAR**



**T**UN Dr. Mahathir Mohamad dalam satu ucapan pada 1991 yang mencetuskan kelahiran gagasan Wawasan 2020 - TELAH menzahirkan pandangan beliau tentang keperluan membangunkan sistem pendidikan nasional masa depan yang mampan.

Langkah memperkasakan sistem pendidikan negara ini adalah usaha berterusan bagi membangunkan sumber manusia sebagai aset negara, seperti ditegaskan beliau menerusi petikan berbunyi; ".....it is blindingly clear that the most important resource of any nation must be the talents, skills, creativity and will of its people.....Our people is our ultimate resource. Without a doubt, in the 1990's and beyond, Malaysia must give the fullest emphasis possible to the development of this ultimate resource".

Dalam hal ini, adalah penting untuk mewujudkan dasar pendidikan kebangsaan yang mampu memupuk perkembangan kemahiran, potensi, bakat, serta kreativiti keseluruhan rakyat Malaysia, untuk digembleng secara bersepadu bagi mencapai objektif Wawasan 2020.

Selepas lebih dua dekad, pandangan serupa turut disuarakan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz pada 6 Mei 2014. Beliau menyifatkan bahawa pelaksanaan strategi pembangunan bakat dalam sistem pendidikan merupakan salah satu kunci utama bagi memastikan kelangsungan perkembangan ekonomi negara pada masa depan.



**GURU** Kolej Vokasional Kluang, Hazmil Hamid (dua kanan) bersama tiga pelajarinya (dari kiri) Muhamad Jailani Ibrahim, Mohd. Shyazwan Mohd. Esa dan Mohamad Shawalluden Muslimin yang muncul juara Pertandingan Robotik Bahagian Pendidikan Teknik & Vokasional (BPTV) Kementerian Pendidikan peringkat Kebangsaan 2015 di Sekolah Menengah Teknik Tunku Abdul Rahman Putra di Pulau Pinang, pada Ogos lalu. - UTUSAN/AZMAN ASMAYATIM.

Natijahnya, transformasi sistem pendidikan negara wajar mengutamakan pelan bersepadu untuk mengembangkan potensi serta bakat generasi pelajar secara optimum. Persoalannya, apakah strategi yang harus diguna pakai dan bagaimana harus dilaksanakan?

Howard Gardner, seorang pakar psikologi perkembangan dari Universiti Harvard, Amerika Syarikat menyatakan bahawa potensi individu manusia boleh diklasifikasikan kepada lapan kategori.

Menerusi Teori Kecerdasan Pelbagai (*Multiple Intelligences Theory*) yang diutarakan beliau, Gardner berpendapat bahawa seseorang individu itu berupaya untuk menyerlahkan bakat istimewa dalam satu atau gabungan beberapa domain berikut: verbal-linguistik, logik-matematik, visual-ruang, kinestetik, muzik, kemahiran interpersonal, kemahiran intrapersonal, dan kepekaan alam semula jadi.

Dalam erti kata lain, seseorang

individu itu boleh diandaikan memiliki sekurang-kurangnya satu potensi atau domain bakat yang boleh dikembangkan.

Seorang ahli psikologi pendidikan Kanada, François Gagné pula menyuarakan pandangan yang lebih drastik. Menerusi *Differentiated Model of Giftedness and Talent (DMGT)* yang dibina beliau, Gagné berpandangan bahawa semua manusia sememangnya dilahirkan dengan satu atau kombinasi beberapa kebolehan semula jadi (*natural abilities*) dalam domain mental dan domain fizikal, yang mampu berkembang kepada kompetensi bakat yang menyerlah dalam bidang-bidang akademik, teknikal, sains dan teknologi, seni, perkhidmatan sosial, pentadbiran/jualan, perniagaan, permainan, serta sukan/atletik.

Namun, tanpa melalui satu proses yang disokong dengan faktor-faktor dalaman dan persekitaran yang sempurna, Gagné menegaskan bahawa potensi semula jadi individu

ini tidak akan mampu dikembangkan kepada himpunan bakat atau kompetensi yang sistematik dan terserlah pada masa depan. Dalam erti kata lain, ia akan kekal sebagai potensi semula jadi individu yang terpendam.

Malaysia berada di atas landasan lima tahun terakhir untuk merealisasikan aspirasi Wawasan 2020. Sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi kelak, Malaysia memerlukan sumber manusia berdaya saing, berpotensi tinggi, serta berbakat besar.

Justeru, bagi melahirkan generasi pelapis yang berwibawa ini, transformasi sistem pendidikan kebangsaan yang sedang dan akan berlaku sewajarnya mengiktiraf kepelbagaian serta keunikan potensi dan bakat yang dimiliki oleh golongan pelajar tempatan.

Sebarang pendekatan atau strategi yang ingin dilaksanakan tidak seharusnya difokuskan kepada keperluan menggilap satu dimensi potensi semata-mata, dan meminggirkan domain potensi yang lain. Sebagaimana dinyatakan Gardner dan Gagné tentang keperluan memupuk potensi dan bakat individu secara bersepadu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak yang berkepentingan untuk mentransformasikan sistem pendidikan kebangsaan bagi mencapai matlamat tersebut.

Semoga generasi pelajar yang akan dilahirkan dan bakal meneruskan kelangsungan (*survival*) negara pada masa depan terdiri daripada golongan yang seimbang dalam kepelbagaian domain potensi dan bakat, insya-Allah.

**DR. ABU YAZID ABU BAKAR** ialah Pensyarah Kanan (Bimbingan dan Kaunseling) di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).